



جايتن كما جوان فلنچوغن
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR
BRUNEI GASTRONOMY FESTIVAL 2024

- 1. Bandar Seri Begawan, 23 Februari 2024** – Acara *Brunei Gastronomy Festival (BGF) 2024* sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-40 bermula hari ini dengan penganjuran *Weekend Food Fiesta* yang berlangsung selama tiga hari mulai 23hb Februari sehingga hari Ahad, 25hb Februari 2024 bertempat di *Wonderpark Colonnade, Jerudong Park Playground*.
- Lebih 20 syarikat dan pengusaha makanan menyertai acara *Weekend Food Fiesta* yang dianjurkan oleh Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sempena *Brunei Gastronomy Festival 2024*. Lebih 20 syarikat dan pengusaha makanan mengambil bahagian yang menjual pelbagai produk makanan dan minuman tempatan untuk orang ramai. Acara tersebut dimeriahkan lagi dengan adanya aktiviti-aktiviti menarik seperti permainan kanak-kanak dan beberapa pertandingan antaranya '*Teh Tareeekk Competition*' dan '*Nasi Katok Competition*'
- Brunei Gastronomy Festival* yang sebelum ini dikenali *Brunei Gastronomy Week* merupakan acara tahunan Jabatan Kemajuan Pelancongan yang diadakan sempena memperingati sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Pada tahun ini, penganjuran BGF 2024 adalah lebih meluas dan meliputi pelbagai jenis makanan tempatan yang berkonsepkan *street food* hingga bertaraf *fine-dining*. Sempena BGF 2024 ini, orang ramai berpeluang untuk menikmati pelbagai jenis promosi makanan daripada restoran-restoran, kafe dan pengusaha-pengusaha makanan dan minuman tempatan yang mengambil bahagian. Beberapa promosi menarik juga boleh didapati di aplikasi dan laman sesawang gomamam.
- Selain itu, beberapa acara-acara menarik juga turut diadakan sepanjang BGF 2024 untuk kunjungan dan penyertaan orang ramai sama ada dewasa mahupun kanak-kanak, antaranya *Culinary Workshop* anjuran *Laksamana College of Business*; *Kids Cooking Class* dan *Degustation Menu* anjuran Radisson Hotel Brunei Darussalam dan *In:STALL Pop Up Market* anjuran Futurebrands Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah dengan ini mengalu-alukan penyertaan orang ramai bagi memeriahkan lagi acara BGF 2024 yang berlangsung sehingga 23hb Mac 2024, terutama para penggemar makanan yang berhasrat untuk mendapatkan pengalaman gastronomi yang menarik di dalam negara bersama keluarga dan rakan.
- Bagi sebarang maklumat terkini mengenai acara BGF 2024, sila layari laman sesawang www.bruneitourism.com/bgf/ atau kunjungi instagram [@bruneigastronomyfest](https://www.instagram.com/bruneigastronomyfest)

-tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Bahagian Promosi dan Pemasaran
Jabatan Kemajuan Pelancongan

